



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (20)
Tarikh : 24 Julai 2020

KENYATAAN MEDIA

GIMNASIUM, KOLAM RENANG DIBENAR BEROPERASI

Putrajaya, 24 Julai 2020 – Kerajaan telah membenarkan kemudahan gimnasium sejak 15 Jun lalu dan kolam renang pada 1 Julai untuk beroperasi semula dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan melibatkan skim pembangunan berstrata.

Bagi skim strata yang mempunyai kemudahan gimnasium serta kolam renang, pihak pengurusan boleh membenarkan penghuni untuk menggunakan kemudahan tersebut dengan mematuhi SOP dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Antara SOP yang telah ditetapkan adalah pihak pengurusan perlu memastikan semua penghuni yang ingin menggunakan kemudahan tersebut untuk membuat pemeriksaan suhu badan dan kehadiran direkodkan melalui aplikasi MySejahtera atau secara manual.

Pihak pengurusan juga perlu pastikan pemakaian pelitup muka oleh kakitangan bertugas pada setiap masa dan operasi gimnasium atau kolam renang adalah secara berjadual dengan bilangan orang yang terkawal.

Selain itu, setiap peralatan yang digunakan perlu dibersihkan dan dinyahkuman selepas penggunaan dan penjarakan sosial perlulah sentiasa dipatuhi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada lapan Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my